# TARGET PBD

MODUL PENTAKSIRAN BILIK DARJAH

EDISI GURU

TINGKATAN 2

KSSM

# PENDIDIKAN MORAL



Melancarkan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD)

Memantapkan Pentaksiran Sumatif & UASA

Menyokong Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) Mesra Digital

Meningkatkan Tahap Penguasaan Murid




## PAKEJ PERCUMA UNTUK KEMUDAHAN GURU

### EDISI GURU

VERSI CETAK

**PEMERKASAAN PBD & UASA**

- Nota Ekspres
- Modul PBD
- Pentaksiran Pertengahan Tahun
- Pentaksiran Akhir Tahun
- Jawapan

**PEMBELAJARAN DIGITAL**

- Pelbagai bahan sokongan pembelajaran dalam talian

### RESOS DIGITAL GURU

ePelangi+

Pelbagai bahan digital sokongan PdPc yang disediakan khas untuk guru di platform ePelangi+

EG-i + BAHAN SOKONGAN PdPc EKSTRA!



# Modul PBD » Pentaksiran Formatif



UNIT 1

MODUL PBD

BIDANG 1 Pengenalan Moral

Sumber Moral Asas Pembentukan Akhlak Mulia

PBD Sumber Moral — Buku Teks ms. 2 – 4

1. Berdasarkan pernyataan yang diberikan, lengkapkan jadual di bawah dengan sumber moral yang betul. SP 1.1.1 TP 1

| | Pernyataan | Sumber moral |
|---|---|---|
| (a) | Al-Quran, Bhagavad Gita, Tripitaka, Bible dan Sri Guru Granth Sahib masing-masing adalah contoh sumber bagi agama Islam, Hindu, Buddha, Kristian, dan Sikh. | Agama |
| (b) | Contoh sumber moral ini terdiri daripada Confucius, Taoisme, kepercayaan orang asli di Semenanjung Malaysia dan kepercayaan peribumi Sabah dan Sarawak. | Kepercayaan |
| (c) | Kepercayaan kepada Tuhan, kesetiaan kepada raja dan negara, keluhuran perlembagaan, kedaulatan undang-undang, serta kesopanan dan kesusilaan adalah prinsip-prinsip yang terdapat dalam sumber moral ini. | Rukun Negara |
| (d) | Sumber moral ini merangkumi peraturan, undang-undang, pantang larang dan adat resam masyarakat. | Norma masyarakat |

AKTIVITI PAK-21 Traveling File

1. Guru memberikan fail dengan tajuk untuk dibincangkan dalam kumpulan dalam tempoh tertentu. Tajuk: Jelaskan **tiga** perbezaan antara kepercayaan dan norma masyarakat sebagai sumber moral.
2. Selepas masa tamat, jawapan dimasukkan semula ke dalam fail dan dipindahkan ke kumpulan lain.
3. Kumpulan baru membaca dan menambah baik jawapan dalam fail.
4. Selepas dua atau tiga pusingan, soalan dan jawapan dibincangkan dalam kelas.

INFO Confucius

INFO Kepercayaan Peribumi Sabah dan Sarawak

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd. 1

1 Praktis topikal yang menilai kesemua Tahap Penguasaan (TP1-6) yang tercakup dalam DSKP.

2 Soalan yang mematuhi Standard Kandungan (SK) dan Standard Pembelajaran (SP) serta menepati kandungan dalam buku teks.

3 Aktiviti seperti Pendidikan Sivik dan PAK-21 disertakan untuk menyempurnakan PdPc.

4 **Bahan pembelajaran digital** seperti Info dan Kuiz Gamifikasi menyokong pembelajaran yang kondusif. Wordwall

PANDUAN PENGGUNAAN



Pendidikan Moral Tingkatan 2 Unit 1

5. Gambar di bawah menunjukkan sambutan Hari Kebangsaan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum di Malaysia. SP 1.1.5 1.1.6 TP 5 TP 6

(a) Jelaskan **satu** sumber moral yang berkaitan dengan gambar tersebut.
- Rukun Negara
- Prinsip yang diamalkan oleh masyarakat tersebut ialah kesetiaan kepada raja dan negara.

(b) Apakah perasaan anda apabila melihat cara masyarakat berbilang kaum tersebut menyambut Hari Kebangsaan bersama-sama? Jelaskan alasan anda.
- Perasaan bangga
- Masyarakat dari pelbagai latar belakang etnik, agama, dan budaya berkumpul bersama untuk menyambut Hari Kebangsaan.

(c) Berdasarkan sumber moral yang anda nyatakan di (a), senaraikan **dua** norma masyarakat semasa menyambut Hari Kebangsaan.
(i) Mengibarkan bendera negara di rumah atau tempat-tempat umum
(ii) Menyanyikan lagu-lagu patriotik

PENDIDIKAN SIVIK

Nilai Teras: Bertanggungjawab
Tajuk: Norma Masyarakat sebagai Sumber Moral dalam Pembentukan Akhlak Mulia
Konteks: Masyarakat
Literasi Sivik
Pengetahuan: Memahami kepentingan Rukun Negara dan norma masyarakat sebagai sumber moral bagi membentuk insan bermoral
Sosioekonomi: Mengekspresikan perasaan bangga apabila membuat tindakan berdasarkan sumber moral
Tindakan: Mengambil tindakan yang wajar berdasarkan sumber moral dalam hidup bermasyarakat
Aktiviti:
1. Guru akan memberikan arahan kepada murid-murid untuk membuat persediaan melukis poster.
2. Murid akan diberi masa selama 2 jam untuk melukis dan mewarna poster.
3. Tema poster adalah norma masyarakat sebagai sumber moral asas pembentukan akhlak mulia.
4. Hasil kerja perlu dihantar kepada guru untuk dinilai.

KUIZ GAMIFIKASI Unit 1

Tahap Penguasaan Unit 1 TP 1 TP 2 TP 3 TP 4 TP 5 TP 6

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd. 5

5 Elemen soalan yang pelbagai seperti Peta i-Think untuk menjadikan pembelajaran lebih seronok.

6 Soalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) untuk mencabar pemikiran murid.

7 Tahap penguasaan murid dapat dinilai pada akhir setiap tajuk.

8 Praktis KBAT disediakan bagi menggalakkan murid memanfaatkan pengetahuan dan kemahiran mereka untuk meneroka topik secara lebih mendalam.













PANDUAN PENGGUNAAN

## E Modul Pentaksiran » Pentaksiran Sumatif

1. Pentaksiran Pertengahan Tahun
2. Pentaksiran Akhir Tahun










## F Jawapan

Jawapan keseluruhan buku **Kod QR** disediakan di halaman Kandungan









# RESOS DIGITAL GURU ePelangi+

Di platform ePelangi+, guru yang menerima guna (*adoption*) siri Target PBD KSSM diberi akses kepada EG-i dan bahan sokongan ekstra PdPc untuk tempoh satu tahun:

## 1 Apakah itu EG-i?

EG-i merupakan versi digital dan interaktif Edisi Guru Target PBD secara dalam talian. Versi ini akan dapat mengoptimumkan penggunaan teknologi dalam pengajaran, memaksimumkan kesan PdPc, dan membangunkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan serta responsif dalam kalangan murid.



## Halaman Contoh EG-i

Klik Kod QR untuk mengakses bahan dalam kod QR seperti Cetus Idea (audio), Info & Kuiz Gamifikasi.




Pilih paparan halaman (single/double page) dan bahasa antara muka melalui ***Setting***.

**Alat sokongan lain:**
- Pen
- Sticky Note
- Unit Converter
- Ruler
- Calculator
- Bookmark

Klik butang **JAWAPAN** untuk memaparkan atau melenyapkan jawapan (*hidden*) semasa penyampaian PdPc.

## 2 BAHAN SOKONGAN PdPc EKSTRA!

Bahan-bahan pengajaran dan latihan di platform ePelangi+ boleh dimuat turun atau dimainkan terus.

| Bahan pengajaran | Bahan latihan |
|---|---|
| Edisi Guru PDF | Praktis Ekstra |
| PowerPoint Interaktif | KBAT Ekstra |
| Nota | |
| Pendidikan Sivik | |

Boleh dimuat turun



**Bahan sokongan PdPc ekstra** yang sesuai dicadangkan pada halaman atau bahagian tertentu Edisi Guru melalui *thumb indeks* eP+ .

PANDUAN PENGGUNAAN

## CONTOH HALAMAN EDISI GURU DENGAN CADANGAN BAHAN SOKONGAN PDPC EKSTRA




eP+ Nota

**Nota**

Nota berwarna dalam persembahan grafik.










eP+ Powerpoint Interaktif




**PowerPoint Interaktif**

Slaid pengajaran PPT lengkap yang meliputi setiap topik dan subtopik.




## Pendidikan Sivik

Panduan yang lengkap bagi guru untuk menjalankan aktiviti sivik di dalam kelas.




## KBAT Ekstra

Latihan tambahan soalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT).




## Praktis Ekstra

Latihan tambahan mengikut subtopik.

PANDUAN PENGGUNAAN

# ePelangi+

**Bagaimanakah saya dapat mengakses semua bahan di ePelangi+ ?**

### LANGKAH 1 — DAFTAR AKAUN

Bagi pengguna baharu ePelangi+, imbas kod QR di bawah atau layari plus.pelangibooks.com untuk *Create new account*.

**Semak e-mel dan klik pautan untuk mengaktifkan akaun.**

### LANGKAH 2 — *ENROLMENT*

*Log in* ke akaun ePelangi+. Pada halaman utama (*Home*), cari tajuk buku dalam *Secondary* [*Full Access*].

Masukkan *Enrolment Key* untuk enrol.

**Hubungi wakil Pelangi untuk mendapatkan *Enrolment Key*.**

### LANGKAH 3 — AKSES RESOS DIGITAL

Klik bahan untuk dimuat turun atau dimainkan.







*** Kontak wakil Pelangi boleh didapati di halaman EG 8.**

# HUBUNGI WAKIL PELANGI

## PERKHIDMATAN & SOKONGAN

| AREA | CONTACT NUMBER |
|---|---|
| **Northern Region** | 012-4983343 |
| Perlis / Kedah | 012-4853343 |
| Penang | 012-4923343 |
| Perak | 012-5230133 / 019-6543257 |
| **Central Region** | 012-3293433 |
| | 012-7800533 |
| | 012-7072733 |
| | 012-3297633 |
| | 019-3482987 |
| **Southern Region & East Coast** | 012-7998933 |
| Negeri Sembilan / Melaka | 010-2432623 |
| Johor | 012-7028933 |
| Pahang / Terengganu | 012-9853933 |
| Kelantan | 012-9863933 |
| **East Malaysia** | 012-8889433 |
| Kuching / Sarikei | 012-8839633 |
| Sibu / Bintulu / Miri | 012-8052733 |
| Sabah | 012-8886133 |


PELANGI Books Gallery

**GALERI PAMERAN ONSITE & ONLINE**

**Bangi**
Wisma Pelangi, Lot 8, Jalan P10/10,
Kawasan Perusahaan Bangi,
Bandar Baru Bangi, 43650 Bangi, Selangor.

**Johor Bahru**
66, Jalan Pingai, Taman Pelangi,
80400 Johor Bahru, Johor.

**E-MEL KHIDMAT PELANGGAN PELANGI**
service1@pelangibooks.com

**PRODUK, PROMOSI PERKHIDMATAN & PROGRAM PELANGI TERKINI**

PelangiPublishing PelangiBooks PelangiBooks

# KANDUNGAN


Rekod Pentaksiran Murid v – ix

Nilai Universal bagi KSSM Pendidikan Moral x

Nota Ekspres (Unit 1 - Unit 15) N1 – N16

## BIDANG 1 PENGENALAN MORAL

UNIT 1 Sumber Moral Asas Pembentukan Akhlak Mulia 1

Modul PBD (Info, Cetus Idea, Kuiz, PowerPoint, Nota, Praktis, Sivik, KBAT) 1

## BIDANG 2 DIRI, KELUARGA DAN PERSAHABATAN

UNIT 2 Agama atau Kepercayaan Membentuk Keperibadian Mulia 6

Modul PBD (Cetus Idea, Kuiz, PowerPoint, Nota, KBAT) 6

UNIT 3 Tenggungjawab Diri Terlaksana Hidup Makin Bahagia 11

Modul PBD (Info, Cetus Idea, Kuiz, PowerPoint, Nota, Praktis, Sivik) 11

UNIT 4 Tanggujawab Diri Membentuk Keluarga bahagia 16

Modul PBD (Info, Kuiz, PowerPoint, Nota, Praktis, Sivik, KBAT) 16

UNIT 5 Adab Dijaga, Persahabatan Terbela 22

Modul PBD (Info, Kuiz, PowerPoint, Nota, Praktis, Sivik) 22

## BIDANG 3 HUBUNGAN ANTARA DIRI, KOMUNITI DAN MASYARAKAT

UNIT 6 Jiran Sepakat Membawa Berkat 28

Modul PBD (Info, Cetus Idea, Kuiz, PowerPoint, Nota, Praktis, Sivik, KBAT) 28

UNIT 7 Masyarakat Penyayang Tonggak Aspirasi Negara 33

Modul PBD (Info, Cetus Idea, Kuiz, PowerPoint, Nota, Praktis, Sivik, KBAT) 33

UNIT 8 Perkhidmatan Awam Pemangkin Pembangunan Negara 39

Modul PBD (Info, Cetus Idea, Kuiz, PowerPoint, Nota, Praktis, Sivik, KBAT) 39

UNIT 9 Hargai Alam Warisan Kita 44

Modul PBD (Info, Cetus Idea, Kuiz, PowerPoint, Nota, Praktis, Sivik) 44


© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

**UNIT 10** Gaya Hidup Sihat dan Selamat Menjamin Keharmonian Bersama 50

**Modul PBD** Info Cetus Idea Kuiz PowerPoint Nota Praktis Sivik 50

▶▶ **BIDANG 4 MORAL, PERATURAN DAN UNDANG-UNDANG**

**UNIT 11** Adab di Tempat Awam Dijaga, Nikmat Hidup Dirasai Bersama 56

**Modul PBD** Info Kuiz PowerPoint Nota Praktis KBAT 56

**UNIT 12** Etika dan Undang-undang Siber Membantu Pembentukan Jati Diri 62

**Modul PBD** Info Cetus Idea Kuiz PowerPoint Nota Praktis Sivik KBAT 62

**UNIT 13** Keselamatan di Jalan Raya Tanggungjawab Bersama 67

**Modul PBD** Info Cetus Idea Kuiz PowerPoint Nota Praktis Sivik KBAT 67

**UNIT 14** Menangani Konflik Identiti Diri Asas Pembentukan Personaliti 72

**Modul PBD** Info Kuiz PowerPoint Nota Praktis KBAT 72

**UNIT 15** Hak Asasi Manusia Dilindungi Bersama 78

**Modul PBD** Info Cetus Idea Kuiz PowerPoint Nota Praktis Sivik KBAT 78

**Praktis KBAT** 85

**Pentaksiran Pertengahan Tahun** 89

**Pentaksiran Akhir Tahun** 96

**JAWAPAN**

https://plus.pelangibooks.com/Resources/TargetPBD/PMoralT2/Jawapan.pdf

# REKOD PENTAKSIRAN MURID

## PENDIDIKAN MORAL Tingkatan 2

*Nama:* ______________________ *Tingkatan:* ______________

| UNIT | STANDARD PRESTASI | | HALAMAN | PENCAPAIAN | |
|---|---|---|---|---|---|
| | TAHAP PENGUASAAN | TAFSIRAN | | (✓) MENGUASAI | (✗) BELUM MENGUASAI |
| **BIDANG 1 : PENGENALAN MORAL** | | | | | |
| **1** SUMBER MORAL ASAS PEMBENTUKAN AKHLAK MULIA | TP1 | Menyatakan sumber moral. | 1 | | |
| | TP2 | Menerangkan sumber agama atau kepercayaan yang menjadi asas kepada prinsip moral. | 2 | | |
| | TP3 | Menilai norma masyarakat Malaysia yang menjadi sumber moral. | 3 | | |
| | TP4 | Menghubung kait sumber moral dan kepentingannya. | 4 | | |
| | TP5 | Menghayati dan mempamerkan perasaan apabila membuat tindakan berdasarkan sumber moral dalam kehidupan seharian. | 5 | | |
| | TP6 | Menghayati dan mengamalkan sikap berdasarkan sumber moral dalam hidup bermasyarakat secara tekal atau boleh dicontohi. | 5 | | |
| *Tahap Penguasaan Unit 1* | TP 1 ☐ TP 2 ☐ TP 3 ☐ TP 4 ☐ TP 5 ☐ TP 6 ☐ | | | | |
| **BIDANG 2 : DIRI, KELUARGA DAN PERSAHABATAN** | | | | | |
| **2** AGAMA ATAU KEPERCAYAAN MEMBENTUK KEPERIBADIAN MULIA | TP1 | Menyatakan maksud keperibadian diri. | 6 | | |
| | TP2 | Menerangkan ciri individu yang mempunyai pegangan agama atau kepercayaan. | 6 | | |
| | TP3 | Menilai kesan jika tiada pegangan agama atau kepercayaan dalam membentuk keperibadian diri. | 7 | | |
| | TP4 | Menghubung kait pegangan agama atau kepercayaan dalam membentuk keperibadian diri dan kepentingannya. | 8 | | |
| | TP5 | Menghayati dan mempamerkan perasaan apabila melaksanakan ajaran agama atau kepercayaan dalam kehidupan seharian. | 9, 10 | | |
| | TP6 | Menghayati dan mengamalkan perlakuan berdasarkan ajaran agama atau kepercayaan secara tekal atau boleh dicontohi. | 10 | | |
| *Tahap Penguasaan Unit 2* | TP 1 ☐ TP 2 ☐ TP 3 ☐ TP 4 ☐ TP 5 ☐ TP 6 ☐ | | | | |
| **3** TANGGUNGJAWAB DIRI TERLAKSANA HIDUP MAKIN BAHAGIA | TP1 | Menyatakan tanggungjawab diri. | 11 | | |
| | TP2 | Menerangkan cara melaksanakan tanggungjawab diri. | 12 | | |
| | TP3 | Menilai kesan menjalankan tanggungjawab diri. | 13 | | |
| | TP4 | Menghubung kait pelaksanaan tanggungjawab diri dan kesannya. | 14 | | |
| | TP5 | Menghayati dan mempamerkan perasaan apabila melaksanakan tanggungjawab diri dalam kehidupan seharian. | 15 | | |
| | TP6 | Menghayati dan mengamalkan perlakuan tanggungjawab diri secara tekal atau boleh dicontohi. | 15 | | |
| *Tahap Penguasaan Unit 3* | TP 1 ☐ TP 2 ☐ TP 3 ☐ TP 4 ☐ TP 5 ☐ TP 6 ☐ | | | | |

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

| UNIT | STANDARD PRESTASI | | HALAMAN | PENCAPAIAN | |
|---|---|---|---|---|---|
| | TAHAP PENGUASAAN | TAFSIRAN | | (✓) MENGUASAI | (✗) BELUM MENGUASAI |
| **4** **TANGGUNGJAWAB DIRI MEMBENTUK KELUARGA BAHAGIA** | TP1 | Menyatakan tanggungjawab diri sebagai anggota keluarga. | 16 | | |
| | TP2 | Menerangkan cara melaksanakan tanggungjawab diri sebagai anggota keluarga. | 17 | | |
| | TP3 | Menilai kepentingan menjalankan tanggungjawab diri dalam keluarga. | 18 | | |
| | TP4 | Menghubung kait tanggungjawab diri terhadap keluarga dan kesannya. | 19 | | |
| | TP5 | Menghayati dan mempamerkan perasaan apabila melaksanakan tanggungjawab diri terhadap keluarga dalam kehidupan seharian. | 20, 21 | | |
| | TP6 | Menghayati dan mengamalkan perlakuan tanggungjawab diri terhadap keluarga secara tekal atau boleh dicontohi. | 21 | | |

***Tahap Penguasaan Unit 4*** **TP 1** ☐ **TP 2** ☐ **TP 3** ☐ **TP 4** ☐ **TP 5** ☐ **TP 6** ☐

| UNIT | TAHAP PENGUASAAN | TAFSIRAN | HALAMAN | MENGUASAI | BELUM MENGUASAI |
|---|---|---|---|---|---|
| **5** **ADAB DIJAGA, PERSAHABATAN TERBELA** | TP1 | Menyatakan perlakuan beradab dalam persahabatan. | 22 | | |
| | TP2 | Menerangkan kepentingan adab dalam persahabatan. | 23 | | |
| | TP3 | Menilai perlakuan beradab dan tidak beradab dalam persahabatan. | 24 | | |
| | TP4 | Menghubung kait adab persahabatan dan batasannya. | 25 | | |
| | TP5 | Menghayati dan mempamerkan perasaan apabila menjalinkan persahabatan yang beradab dalam kehidupan seharian. | 26 | | |
| | TP6 | Menghayati dan mengamalkan hidup beradab dalam menjalin persahabatan pelbagai kaum secara tekal atau boleh dicontohi. | 27 | | |

***Tahap Penguasaan Unit 5*** **TP 1** ☐ **TP 2** ☐ **TP 3** ☐ **TP 4** ☐ **TP 5** ☐ **TP 6** ☐

**BIDANG 3 : HUBUNGAN ANTARA DIRI, KOMUNITI DAN MASYARAKAT**

| UNIT | TAHAP PENGUASAAN | TAFSIRAN | HALAMAN | MENGUASAI | BELUM MENGUASAI |
|---|---|---|---|---|---|
| **6** **JIRAN SEPAKAT MEMBAWA BERKAT** | TP1 | Menyatakan konsep kejiranan. | 28 | | |
| | TP2 | Menerangkan manfaat hidup berjiran. | 29 | | |
| | TP3 | Menilai sikap jiran yang positif dan negatif. | 30 | | |
| | TP4 | Menghubung kait cara untuk merapatkan hubungan hidup berjiran dengan keharmonian setempat. | 31 | | |
| | TP5 | Menghayati dan mempamerkan perasaan apabila hidup berjiran dalam kehidupan seharian. | 32 | | |
| | TP6 | Menghayati dan mengamalkan hidup berjiran dalam masyarakat pelbagai agama, bangsa, budaya dan bahasa secara tekal atau boleh dicontohi. | 32 | | |

***Tahap Penguasaan Unit 6*** **TP 1** ☐ **TP 2** ☐ **TP 3** ☐ **TP 4** ☐ **TP 5** ☐ **TP 6** ☐

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

| UNIT | STANDARD PRESTASI | | HALAMAN | PENCAPAIAN | |
|---|---|---|---|---|---|
| | TAHAP PENGUASAAN | TAFSIRAN | | (✓) MENGUASAI | (✗) BELUM MENGUASAI |
| **7** MASYARAKAT PENYAYANG TONGGAK ASPIRASI NEGARA | TP1 | Menyatakan ciri masyarakat penyayang. | 33 | | |
| | TP2 | Menerangkan kepentingan memperkukuh masyarakat penyayang. | 34 | | |
| | TP3 | Menilai cara menyantuni masyarakat yang berkeperluan. | 35 | | |
| | TP4 | Menghubung kait keutamaan dalam membantu masyarakat yang berkeperluan untuk merealisasikan masyarakat penyayang. | 36 | | |
| | TP5 | Menghayati dan mempamerkan perasaan apabila membantu mewujudkan masyarakat penyayang dalam kehidupan seharian. | 37, 38 | | |
| | TP6 | Menghayati dan mengamalkan amalan masyarakat penyayang secara tekal atau boleh dicontohi. | 37, 38 | | |

*Tahap Penguasaan Unit 7* TP 1 ☐ TP 2 ☐ TP 3 ☐ TP 4 ☐ TP 5 ☐ TP 6 ☐

| UNIT | TAHAP PENGUASAAN | TAFSIRAN | HALAMAN | MENGUASAI | BELUM MENGUASAI |
|---|---|---|---|---|---|
| **8** PERKHIDMATAN AWAM PEMANGKIN PEMBANGUNAN NEGARA | TP1 | Menyatakan agensi perkhidmatan awam yang terdapat di Malaysia. | 39 | | |
| | TP2 | Menjelaskan kepentingan agensi perkhidmatan awam kepada masyarakat. | 40 | | |
| | TP3 | Menilai cara menghargai agensi perkhidmatan awam. | 41 | | |
| | TP4 | Menghubung kait peranan agensi perkhidmatan awam yang efektif dengan kesejahteraan hidup. | 42 | | |
| | TP5 | Menghayati dan mempamerkan perasaan terhadap agensi perkhidmatan awam dalam kehidupan seharian. | 43 | | |
| | TP6 | Menghayati dan mengamalkan tingkah laku berhemah terhadap agensi perkhidmatan awam secara tekal atau boleh dicontohi. | 43 | | |

*Tahap Penguasaan Unit 8* TP 1 ☐ TP 2 ☐ TP 3 ☐ TP 4 ☐ TP 5 ☐ TP 6 ☐

| UNIT | TAHAP PENGUASAAN | TAFSIRAN | HALAMAN | MENGUASAI | BELUM MENGUASAI |
|---|---|---|---|---|---|
| **9** HARGAI ALAM WARISAN KITA | TP1 | Menyatakan peranan masyarakat dalam melindungi alam sekitar. | 44 | | |
| | TP2 | Menerangkan langkah-langkah badan kerajaan dalam melindungi alam sekitar. | 45 | | |
| | TP3 | Menilai sumbangan badan bukan kerajaan untuk melindungi alam sekitar. | 46 | | |
| | TP4 | Menghubung kait kesan aktiviti manusia dengan keseimbangan alam sekitar. | 47 | | |
| | TP5 | Menghayati dan mempamerkan perasaan apabila melibatkan diri dalam aktiviti melindungi alam sekitar dalam kehidupan seharian. | 48, 49 | | |
| | TP6 | Menghayati dan mengamalkan tingkah laku ke arah melindungi alam sekitar secara tekal atau boleh dicontohi. | 48, 49 | | |

*Tahap Penguasaan Unit 9* TP 1 ☐ TP 2 ☐ TP 3 ☐ TP 4 ☐ TP 5 ☐ TP 6 ☐

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

| UNIT | STANDARD PRESTASI | | HALAMAN | PENCAPAIAN | |
|---|---|---|---|---|---|
| | TAHAP PENGUASAAN | TAFSIRAN | | (✓) MENGUASAI | (✗) BELUM MENGUASAI |
| **10** GAYA HIDUP SIHAT DAN SELAMAT MENJAMIN KEHARMONIAN BERSAMA | TP1 | Menyatakan gaya hidup sihat dan selamat. | 50 | | |
| | TP2 | Menerangkan aktiviti gaya hidup sihat dan selamat. | 51 | | |
| | TP3 | Menilai kesan amalan gaya hidup sihat dan selamat. | 52 | | |
| | TP4 | Menghubung kait amalan gaya hidup sihat dan selamat dengan kesejahteraan hidup. | 53 | | |
| | TP5 | Menghayati dan mempamerkan perasaan apabila mengamalkan gaya hidup sihat dan selamat dalam kehidupan seharian. | 54 | | |
| | TP6 | Menghayati dan mengamalkan gaya hidup sihat dan selamat secara tekal atau boleh dicontohi. | 55 | | |

*Tahap Penguasaan Unit 10* TP 1 ☐ TP 2 ☐ TP 3 ☐ TP 4 ☐ TP 5 ☐ TP 6 ☐

| BIDANG 4 : MORAL, PERATURAN DAN UNDANG-UNDANG | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **11** ADAB DI TEMPAT AWAM DIJAGA, NIKMAT HIDUP DIRASAI BERSAMA | TP1 | Menyatakan tempat-tempat awam. | 56 | | |
| | TP2 | Menerangkan cara beradab di tempat awam. | 57 | | |
| | TP3 | Menilai kepentingan beradab di tempat awam. | 58 | | |
| | TP4 | Menghubung kait amalan beradab dan tidak beradab di tempat awam dengan keharmonian masyarakat. | 59 | | |
| | TP5 | Menghayati dan mempamerkan perasaan apabila beradab di tempat awam dalam kehidupan seharian. | 60 | | |
| | TP6 | Menghayati dan mengamalkan adab di tempat awam secara tekal atau boleh dicontohi. | 60. 61 | | |

*Tahap Penguasaan Unit 11* TP 1 ☐ TP 2 ☐ TP 3 ☐ TP 4 ☐ TP 5 ☐ TP 6 ☐

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **12** ETIKA DAN UNDANG-UNDANG SIBER MEMBANTU PEMBENTUKAN JATI DIRI | TP1 | Menyatakan etika berkomunikasi dalam siber. | 62 | | |
| | TP2 | Menerangkan etika dan undang-undang siber. | 63 | | |
| | TP3 | Menilai kepentingan mematuhi etika dan undang-undang siber. | 64 | | |
| | TP4 | Menghubung kait penggunaan Internet secara tidak beretika dan menyalahi undang-undang siber dengan kesannya. | 65 | | |
| | TP5 | Menghayati dan mempamerkan perasaan apabila mematuhi etika dan undang-undang siber dalam kehidupan seharian. | 66 | | |
| | TP6 | Menghayati dan mengamalkan tingkah laku berhemah semasa berkomunikasi dalam siber secara tekal atau boleh dicontohi. | 66 | | |

*Tahap Penguasaan Unit 12* TP 1 ☐ TP 2 ☐ TP 3 ☐ TP 4 ☐ TP 5 ☐ TP 6 ☐

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

| UNIT | STANDARD PRESTASI | | HALAMAN | PENCAPAIAN | |
|---|---|---|---|---|---|
| | TAHAP PENGUASAAN | TAFSIRAN | | (✓) MENGUASAI | (✗) BELUM MENGUASAI |
| **13** **KESELAMATAN DI JALAN RAYA TANGGUNGJAWAB BERSAMA** | TP1 | Menyatakan peraturan jalan raya dan undang-undang jalan raya. | 67 | | |
| | TP2 | Menerangkan perbezaan di antara peraturan jalan raya dan undang-undang jalan raya. | 67 | | |
| | TP3 | Menilai kepentingan mematuhi peraturan dan undang-undang jalan raya. | 68 | | |
| | TP4 | Menghubung kait kesedaran mematuhi peraturan dan undang-undang jalan raya dengan keselamatan jalan raya. | 69 | | |
| | TP5 | Menghayati dan mempamerkan perasaan apabila mematuhi peraturan dan undang-undang jalan raya dalam kehidupan seharian. | 70 | | |
| | TP6 | Menghayati dan mengamalkan sikap mengutamakan keselamatan jalan raya secara tekal atau boleh dicontohi. | 71 | | |

***Tahap Penguasaan Unit 13*** **TP 1** ☐ **TP 2** ☐ **TP 3** ☐ **TP 4** ☐ **TP 5** ☐ **TP 6** ☐

| UNIT | TAHAP PENGUASAAN | TAFSIRAN | HALAMAN | MENGUASAI | BELUM MENGUASAI |
|---|---|---|---|---|---|
| **14** **MENANGANI KONFLIK IDENTITI DIRI ASAS PEMBENTUKAN PERSONALITI** | TP1 | Menyatakan maksud konflik identiti diri sebagai remaja. | 72 | | |
| | TP2 | Menerangkan faktor yang mempengaruhi konflik identiti diri sebagai remaja. | 73 | | |
| | TP3 | Menilai cara mengatasi konflik identiti diri sebagai remaja. | 74 | | |
| | TP4 | Menghubung kait menangani konflik identiti diri dan kepentingannya. | 75 | | |
| | TP5 | Menghayati dan mempamerkan perasaan apabila berjaya menangani konflik identiti diri dalam kehidupan seharian. | 76, 77 | | |
| | TP6 | Menghayati dan mengamalkan sikap menangani konflik identiti diri mengikut cara yang betul secara tekal atau boleh dicontohi. | 76, 77 | | |

***Tahap Penguasaan Unit 14*** **TP 1** ☐ **TP 2** ☐ **TP 3** ☐ **TP 4** ☐ **TP 5** ☐ **TP 6** ☐

| UNIT | TAHAP PENGUASAAN | TAFSIRAN | HALAMAN | MENGUASAI | BELUM MENGUASAI |
|---|---|---|---|---|---|
| **15** **HAK ASASI MANUSIA DILINDUNGI BERSAMA** | TP1 | Menyatakan hak wanita, hak pengguna, hak orang kurang upaya dan hak pekerja. | 78 | | |
| | TP2 | Menerangkan kepentingan melindungi hak wanita, hak pengguna, hak orang kurang upaya dan hak pekerja. | 79 | | |
| | TP3 | Menilai langkah yang diambil oleh badan kerajaan untuk melindungi hak wanita, hak pengguna, hak orang kurang upaya dan hak pekerja. | 80 | | |
| | TP4 | Menghubung kait sumbangan yang boleh diberikan oleh badan bukan kerajaan dalam melindungi hak wanita, hak pengguna, hak orang kurang upaya dan hak pekerja | 82 | | |
| | TP5 | Menghayati dan mempamerkan perasaan apabila hak wanita, hak pengguna, hak orang kurang upaya dan hak pekerja dilindungi dalam kehidupan seharian. | 83, 84 | | |
| | TP6 | Menghayati dan mengamalkan sikap melindungi hak wanita, hak pengguna, hak orang kurang upaya dan hak pekerja secara tekal atau boleh dicontohi. | 83, 84 | | |

***Tahap Penguasaan Unit 15*** **TP 1** ☐ **TP 2** ☐ **TP 3** ☐ **TP 4** ☐ **TP 5** ☐ **TP 6** ☐

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

# NILAI UNIVERSAL BAGI KSSM PENDIDIKAN MORAL

| Nilai | Maksud Nilai |
|---|---|
| **Kepercayaan kepada Tuhan** | Keyakinan wujudnya Tuhan sebagai pencipta alam dan mematuhi segala ajaran berlandaskan pegangan agama atau kepercayaan masing-masing selaras dengan prinsip Rukun Negara. |
| **Bertanggungjawab** | Kesanggupan diri seseorang untuk memikul dan melaksanakan tugas serta kewajipan dengan sempurna. |
| **Berdikari** | Kebolehan dan kesanggupan melakukan sesuatu tanpa bergantung kepada orang lain. |
| **Harga diri** | Berupaya menjaga maruah diri. |
| **Kerajinan** | Usaha yang berterusan, bersungguh-sungguh dan berdedikasi dalam melakukan sesuatu. |
| **Berterima kasih** | Perasaan dan perlakuan untuk menunjukkan pengiktirafan dan penghargaan. |
| **Patriotisme** | Bangga dan taat setia kepada raja dan negara. |
| **Kebebasan** | Bebas melakukan sesuatu tertakluk kepada peraturan dan undang-undang. |
| **Keberanian** | Kesanggupan untuk menghadapi cabaran dengan yakin dan tabah. |
| **Kejujuran** | Bercakap benar, bersikap amanah dan ikhlas dalam setiap perlakuan. |
| **Rasional** | Boleh berfikir berdasarkan alasan atau bukti yang nyata dan dapat mengambil tindakan yang wajar. |
| **Baik hati** | Kepekaan terhadap keperluan dan kebajikan diri dan orang lain dengan memberi bantuan serta sokongan moral secara ikhlas. |
| **Hemah tinggi** | Beradab sopan dan berbudi pekerti mulia. |
| **Hormat** | Menghargai dan memuliakan seseorang serta menghormati peraturan institusi sosial. |
| **Kasih sayang** | Kepekaan dan perasaan cinta yang lahir daripada hati yang ikhlas. |
| **Kerjasama** | Melakukan sesuatu bersama-sama untuk kebaikan semua. |
| **Kesederhanaan** | Bersikap tidak keterlaluan dalam membuat pertimbangan atau perlakuan tanpa mengabaikan kepentingan diri dan orang lain. |
| **Toleransi** | Bertolak ansur, sabar dan mengawal diri demi kesejahteraan hidup diri dan orang lain. |

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

# NOTA EKSPRES

## UNIT 1 ▷▷ Sumber Moral Asas Pembentukan Akhlak Mulia

**Cadangan Nilai:**
- Kepercayaan kepada Tuhan
- Hormat
- Toleransi
- Rasional
- Kesederhanaan

### Sumber Moral

1. **Sumber moral** adalah suatu bahan rujukan yang menjadi **panduan** dalam pembentukan **keperibadian diri** seseorang individu.

- **Sumber moral**
  - Agama
  - Norma masyarakat
  - Kepercayaan
  - Rukun Negara

2. Contoh **sumber agama:**
   (a) Islam – Al-Quran
   (b) Buddha – Tripitaka
   (c) Hindu – Bhagavad Gita
   (d) Kristian – Bible
   (e) Sikh – Sri Guru Granth Sahib

3. Contoh **sumber kepercayaan:**
   (a) Confucius – Lun Yu
   (b) Taoisme – Tao Te Ching
   (c) Kepercayaan orang asli di Semenanjung Malaysia
   (d) Kepercayaan peribumi Sabah dan Sarawak

4. Norma masyarakat merujuk kepada **peraturan** dan **amalan** yang ada dalam sesuatu komuniti dan diterima oleh anggota masyarakat.

5. Norma adalah **peraturan sosial** yang menentukan tingkah laku yang boleh diterima atau tidak dalam situasi tertentu.

6. Norma memberikan petunjuk tentang apa yang boleh, mesti, tidak boleh, atau tidak perlu dilakukan.

7. Contoh **norma masyarakat**:
   (a) Peraturan – Memakai pakaian formal atau uniform di tempat kerja.
   (b) Undang-undang – Merokok dilarang di tempat awam.
   (c) Pantang larang – Kaum Melayu melarang seseorang mengetip kuku pada waktu malam.
   (d) Adat resam masyarakat – Pada Tahun Baharu Cina, orang yang lebih tua akan memberikan angpau kepada yang lebih muda sebagai tanda berkat dan kebaikan.

8. Kesan negatif akibat pelanggaran norma masyarakat:
   (a) Dianggap tidak beradab.
   (b) Dipulaukan oleh masyarakat.
   (c) Menyebabkan warisan budaya hilang.
   (d) Menjatuhkan imej dan nama baik keluarga.
   (e) Menjejas kesejahteraan dan keamanan masyarakat.
   (f) Menjatuhkan nama baik diri sendiri kerana melakukan perbuatan sumbang.

9. **Rukun Negara** merupakan sumber rujukan dan panduan moral bagi seluruh masyarakat di negara kita.

10. Setiap warganegara perlu mematuhi dan mengamalkan prinsip-prinsip Rukun Negara.

11. Prinsip-prinsip Rukun Negara:
    (a) Kepercayaan kepada Tuhan
    (b) Kesetiaan kepada raja dan negara
    (c) Keluhuran Perlembagaan
    (d) Kedaulatan undang-undang
    (e) Kesopanan dan kesusilaan

## Sumber Moral Berdasarkan Agama atau Kepercayaan

1. Agama Islam
   (a) Pemikiran: Kepatuhan kepada ajaran Al-Quran dan Hadis.
   (b) Perlakuan: Menunaikan solat lima waktu, berpuasa di bulan Ramadan dan memberikan zakat kepada yang memerlukan.
2. Agama Kristian
   (a) Pemikiran: Kepercayaan kepada doktrin Triniti (Tuhan Bapa, Tuhan Anak dan Roh Kudus) dan melalui Yesus Kristus menunjukkan kasih Tuhan.
   (b) Perlakuan: Mengamalkan ajaran Alkitab dan menghadiri kebaktian di gereja.
3. Agama Buddha
   (a) Pemikiran: Kepatuhan kepada Empat Kebenaran Mulia dan Jalan Mulia Berunsur Lapan untuk mencapai Nirvana.
   (b) Perlakuan: Amalan vegetarian dan meditasi.
4. Agama Hindu
   (a) Pemikiran: Kepercayaan kepada karma dan reinkarnasi, serta kepatuhan kepada Veda.
   (b) Perlakuan: Penyembahan dewa-dewi dan berpuasa pada beberapa keadaan atau masa tertentu.
5. Agama Sikh
   (a) Pemikiran: Kepercayaan kepada satu Tuhan yang pantheistik.
   (b) Perlakuan: Mengenakan lima K (Kesh, Kangha, Kara, Kachera dan Kirpan), iaitu rambut panjang, sisir kayu, gelang, celana pendek dan pisau belati.
6. Kepercayaan Taoisme
   (a) Pemikiran: Memahami Tao (bermaksud 'jalan' atau 'jalur') sebagai prinsip alam semesta dan mejalani hidup selaras dengan Tao.
   (b) Perlakuan: Amalan meditasi.

## Kepentingan Sumber Moral

1. Memberikan **panduan** kepada pengamalnya.
2. Menyedarkan **tanggungjawab** individu kepada keluarga, masyarakat dan negara.
3. Menerapkan **nilai-nilai murni** dalam pembentukan akhlak mulia.
4. Melahirkan rakyat yang **berkeperibadian tinggi**.
5. Memupuk **perpaduan** dan **keharmonian** negara.

## Hubungan Sesama Manusia Berdasarkan Sumber Moral

| Hubungan | Huraian | Kesan positif |
|---|---|---|
| Pemerintah dengan rakyat | • Pemerintah perlu menunjukkan keprihatinan terhadap kebajikan rakyat.<br>• Rakyat pula perlu menunjukkan kesetiaan kepada pemerintah. | Mencapai kesejahteraan dan keamanan negara. |
| Suami dengan Isteri | • Suami perlu bersikap jujur.<br>• Isteri pula perlu menunjukkan kesetiaan yang tidak berbelah bahagi terhadap suami. | Menjaga keharmonian keluarga. |
| Bapa dengan anak | • Bapa perlu menyayangi anak-anak dengan penuh kasih sayang.<br>• Anak-anak pula perlu menjalankan tanggungjawab mereka kepada bapa. | Memastikan hubungan yang erat dalam keluarga. |
| Saudara tua dengan saudara muda | • Saudara yang lebih tua perlu memberikan bimbingan dan bantuan kepada saudara yang lebih muda.<br>• Saudara yang lebih muda pula perlu menghormati dan menuruti nasihat saudara yang lebih tua. | Menjamin ikatan persaudaraan yang lebih kukuh. |
| Sahabat | • Sahabat perlu berpegang teguh pada prinsip kejujuran dan saling membantu. | Menjamin kekuatan ikatan persahabatan. |

© *Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.*

UNIT 1

MODUL PBD

BIDANG 1 Pengenalan Moral

# Sumber Moral Asas Pembentukan Akhlak Mulia

## PBD Sumber Moral

Buku Teks ms. 2 – 4

**1.** Berdasarkan pernyataan yang diberikan, lengkapkan jadual di bawah dengan sumber moral yang betul.

SP 1.1.1

TP 1

ePP+ POWERPOINT

| | Pernyataan | Sumber Moral |
|---|---|---|
| (a) | Al-Quran, Bhagavad Gita, Tripitaka, Bible dan Sri Guru Granth Sahib masing-masing adalah contoh sumber bagi agama Islam, Hindu, Buddha, Kristian, dan Sikh. | Agama |
| (b) | Contoh sumber moral ini terdiri daripada Confucius, Taoisme, kepercayaan orang asli di Semenanjung Malaysia dan kepercayaan peribumi Sabah dan Sarawak. | Kepercayaan |
| (c) | Kepercayaan kepada Tuhan, kesetiaan kepada raja dan negara, keluhuran perlembagaan, kedaulatan undang-undang, serta kesopanan dan kesusilaan adalah prinsip-prinsip yang terdapat dalam sumber moral ini. | Rukun Negara |
| (d) | Sumber moral ini merangkumi peraturan, undang-undang, pantang larang dan adat resam masyarakat. | Norma masyarakat |

## AKTIVITI PAK-21 *Traveling File*

1. Guru memberikan fail dengan tajuk untuk dibincangkan dalam kumpulan dalam tempoh tertentu.
   **Tajuk**: Jelaskan **tiga** perbezaan antara kepercayaan dan norma masyarakat sebagai sumber moral.
2. Selepas masa tamat, jawapan dimasukkan semula ke dalam fail dan dipindahkan ke kumpulan lain.
3. Kumpulan baru membaca dan menambah baik jawapan dalam fail.
4. Selepas dua atau tiga pusingan, soalan dan jawapan dibincangkan dalam kelas.

INFO
Confucius

INFO
Kepercayaan Peribumi Sabah dan Sarawak

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

**2.** Lengkapkan jadual di bawah dengan huruf yang mewakili agama atau kepercayaan mengikut contoh nilai, pemikiran dan perlakuan yang diberikan.
SP 1.1.2 TP 2

| | | | |
|---|---|---|---|
| **A** | Kepercayaan Taoisme | **D** | Agama Kristian |
| **B** | Agama Sikh | **E** | Agama Islam |
| **C** | Agama Buddha | **F** | Agama Hindu |

| Contoh nilai, pemikiran dan perlakuan | Huruf |
|---|---|
| (a) Pemikiran manusia sukar untuk diawasi dan akan sentiasa mengembara sesuka hati. Oleh itu, seorang yang bijaksana sentiasa sedar akan pemikirannya sama ada pemikirannya baik atau tidak. Pemikiran yang baik akan selalu membawa kebahagiaan. (*Dhammapada Ayat* 36) | C |
| (b) Seorang Sikh yang berjuang untuk mendekatkan diri dengan pencipta, akan mengamalkan nilai-nilai murni, mencari nafkah secara jujur dan berkhidmat demi kemanusiaan supaya dapat meninggalkan bumi ini sebagai satu tempat yang lebih baik daripada apa yang diwarisinya dahulu. (*Sri Guru Granth Sahib MS* 1245) | B |
| (c) "Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil dan berbuat kebaikan serta memberi bantuan kepada kaum kerabat; dan melarang daripada melakukan perbuatan-perbuatan yang keji dan mungkar serta kezaliman. Ia mengajar kamu (dengan suruhan dan larangan-Nya ini), supaya kamu mengambil peringatan mematuhi-Nya." (*Surah al-Nahl* 16:90) | E |
| (d) Apabila kamu mengadakan jamuan, jemputlah mereka yang miskin, kelaparan, tidak larat, tidak boleh berjalan dan buta, kamu akan dirahmati. Walaupun mereka tidak dapat balas balik kebaikan kamu, kamu akan dibayar ketika hari pembalasan. (*Luke* 14:13-14) | D |
| (e) Setiap peranan yang dipikul mempunyai tanggungjawabnya. Laksanakan tanggungjawab anda sebaiknya tanpa mengharapkan balasan. Anda mempunyai hak untuk melaksanakan tugas yang ditetapkan, tetapi anda tidak berhak mendapat hasil tugasan tersebut. Jangan sekali-kali menganggap diri anda sebagai punca hasil tugasan tersebut, mahupun mengelak diri daripada melakukan tanggungjawab anda. Memenuhi tanggungjawab adalah satu ibadah. (*Bhagavad Gita Bab 2: Ayat* 47) | F |
| (f) "Saya baik kepada mereka yang baik kepada Saya; Saya baik kepada mereka walaupun mereka benci kepada Saya. Apa yang Saya beri, Saya akan terima. Sehingga semua menjadi baik." (*Tao Te Ching* 49:2) | A |

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

**3.** Nyatakan **dua** contoh norma masyarakat berdasarkan setiap foto yang diberikan dan aspek yang dikehendaki.

SP 1.1.3

*Nilai Teras Sivik* Hormat-menghormati **TP 3**

| Foto | Contoh norma masyarakat |
|---|---|
| (a)  | Aspek: Peraturan<br>(i) Tidak membuat bising semasa berada di dalam perpustakaan<br>(ii) Beratur semasa meminjam atau memulangkan buku |
| (b)  | Aspek: Undang-undang<br>(i) Tidak membuang sampah atau bahan buangan lainnya ke dalam sungai<br>(ii) Tidak mencemari air sungai dengan bahan kimia berbahaya |
| (c)  | Aspek: Pantang larang<br>(i) Tidak boleh menyapu rumah pada hari pertama semasa Tahun Baharu Cina<br>(ii) Tidak boleh memakai pakaian yang berwarna hitam atau putih semasa Tahun Baharu Cina |
| (d)  | Aspek: Adat resam<br>(i) Adat perkahwinan berperingkat, iaitu merisik, meminang, bertunang dan berkahwin<br>(ii) Menjalankan adat mencukur rambut |

[Terima mana-mana jawapan lain yang munasabah]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

ePP+ NOTA Kepentingan Sumber Moral

## PBD Kepentingan Sumber Moral

*Buku Teks ms. 4*

SP 1.1.4

**4.** Berdasarkan foto di bawah, nyatakan kepentingan sumber moral yang berkaitan dengannya. **TP 4**

| Foto | Kepentingan sumber moral |
|---|---|
| (a)  | Memberikan panduan kepada pengamalnya |
| (b)  | Menyedarkan tanggungjawab individu kepada masyarakat |
| (c)  | Memupuk perpaduan dan keharmonian negara |
| (d)  | Menerapkan nilai-nilai murni dalam pembentukan akhlak mulia |

CETUS IDEA

**5.** Gambar di bawah menunjukkan sambutan Hari Kebangsaan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum di Malaysia.

**SP** 1.1.5 1.1.6

**TP 5** **TP 6**



(a) Jelaskan **satu** sumber moral yang berkaitan dengan gambar tersebut.

- Rukun Negara
- Prinsip yang diamalkan oleh masyarakat tersebut ialah kesetiaan kepada raja dan negara.

(b) Apakah perasaan anda apabila melihat cara masyarakat berbilang kaum tersebut menyambut Hari Kebangsaan bersama-sama? Jelaskan alasan anda.

- Perasaan bangga
- Masyarakat dari pelbagai latar belakang etnik, agama, dan budaya berkumpul bersama untuk menyambut Hari Kebangsaan.

(c) Berdasarkan sumber moral yang anda nyatakan di (**a**), senaraikan **dua** norma masyarakat semasa menyambut Hari Kebangsaan.

(i) Mengibarkan bendera negara di rumah atau tempat-tempat umum

(ii) Menyanyikan lagu-lagu patriotik

## PENDIDIKAN SIVIK

**Nilai Teras:** Bertanggungjawab
**Tajuk:** Norma Masyarakat sebagai Sumber Moral dalam Pembentukan Akhlak Mulia
**Konteks:** Masyarakat

**Literasi Sivik**

Pengetahuan: Memahami kepentingan Rukun Negara dan norma masyarakat sebagai sumber moral bagi membentuk insan bermoral
Sosioekonomi: Mengekspresikan perasaan bangga apabila membuat tindakan berdasarkan sumber moral
Tindakan: Mengambil tindakan yang wajar berdasarkan sumber moral dalam hidup bermasyarakat

**Aktiviti:**

1. Guru akan memberikan arahan kepada murid-murid untuk membuat persediaan melukis poster.
2. Murid akan diberi masa selama 2 jam untuk melukis dan mewarna poster.
3. Tema poster adalah norma masyarakat sebagai sumber moral asas pembentukan akhlak mulia.
4. Hasil kerja perlu dihantar kepada guru untuk dinilai.

KUIZ GAMIFIKASI
Unit 1

*Tahap Penguasaan Unit 1* TP 1 TP 2 TP 3 TP 4 TP 5 TP 6

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

# PRAKTIS KBAT

**1.** (a) "Sayangi Diri Sendiri". Pernyataan ini bukanlah bertujuan untuk mempromosikan sikap pentingkan diri sendiri. Namun, pernyataan tersebut lebih kepada tanggungjawab diri dan proses untuk mengenali diri sendiri terlebih dahulu supaya mampu mencapai kebahagiaan dalam hidup.

**KBAT** Mengaplikasi

Cadangkan **lima** cara yang boleh diamalkan untuk anda lebih menyayangi diri sendiri.

(i) Ketahui kelebihan dan kelemahan diri.

(ii) Berfikiran positif.

(iii) Bersikap jujur.

(iv) Bersyukur.

(v) Tenangkan hati.

(b) Perubahan landskap sosial hari ini telah banyak menyumbang kepada pengabaian tanggungjawab diri sehingga boleh menyebabkan kemurungan, kebimbangan, stres dan kecelaruan minda yang memberikan impak terhadap kualiti dan kesejahteraan hidup seseorang individu.

**KBAT** Menganalisis

(i) Pada pendapat anda, bagaimanakah sikap seseorang yang mengalami kecelaruan minda?

- Individu memberitahu, melihat dan mendengar perkara yang tidak wujud, iaitu halusinasi dan delusi.
- Tingkah laku bertentangan dengan nilai masyarakat.
- Tingkah laku yang menyebabkan kesedihan dan ketakutan serta takut berada di tempat yang ramai orang.
- Mengalami kebimbangan, takut dan kemurungan.

**KBAT** Mencipta

(ii) Cadangkan cara untuk meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan tanggungjawab diri.

- Pendidikan
- Kempen kesedaran atau iklan
- Penyebaran maklumat melalui media sosial
- [Terima mana-mana jawapan yang munasabah]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

# PENTAKSIRAN PERTENGAHAN TAHUN

**Skor**

**/60**

**Masa:** Dua jam

**Arahan:** *Kertas soalan ini mengandungi* **tiga** *bahagian, iaitu* **Bahagian A**, **Bahagian B** *dan* **Bahagian C**. *Jawab* **semua** *soalan dalam* **Bahagian A**, **Bahagian B** dan **Bahagian C**.

**Bahagian A**
[20 *markah*]

**1.** Sumber moral ialah bahan rujukan yang menjadi panduan dalam pembentukan ____________ diri seseorang individu

A keberanian
B kelemahan
C keperibadian
D kebertanggungjawaban

**2.**

| |
|---|
| Sumber rujukan dan panduan moral bagi seluruh rakyat Malaysia. Setiap warganegara Malaysia perlu mematuhi dan mengamalkannya. |

Pernyataan tersebut menerangkan tentang

A sumber moral
B Jata Negara
C Rukun Negara
D undang-undang

**3.**

| |
|---|
| "Pemikiran manusia sukar untuk diawasi dan akan sentiasa mengembara sesuka hati. Oleh itu, seorang yang bijaksana sentiasa sedar akan pemikirannya sama ada pemikirannya baik atau tidak. Pemikiran yang baik akan selalu membawa kebahagiaan." (*Dhammapada Ayat* 36) |

Pemikiran daripada sumber moral tersebut adalah merujuk kepada agama

A Islam
B Hindu
C Buddha
D Kristian

**4.** Remaja perlu memastikan keselamatan diri sentiasa terjamin tidak kira di mana-mana sahaja mereka berada.
Antara yang berikut, yang manakah cara menjaga keselamatan diri?

I Mendedahkan maklumat diri di Internet
II Tidak berjalan bersendirian pada waktu malam
III Tidak mudah percaya kepada orang yang tidak dikenali

A I dan II
B I dan III
C II dan III
D I, II dan III

**5.**


BUANG TEPI JALAN
● Sibu catat kes buang bayi pertama tahun ini, bayi lelaki sempurna sifat ditemui dekat tong sampah

Apakah yang akan berlaku jika agama atau kepercayaan tidak lagi menjadi pegangan hidup seperti kes yang ditunjukkan dalam keratan akhbar tersebut?

A Menghormati ibu bapa
B Melindungi diri dari perkara yang negatif
C Dapat membezakan amalan baik dengan amalan buruk
D Melakukan perkara yang ditegah agama

**6.** Pilih cara anda melaksanakan tanggungjawab untuk menjaga keselamatan diri di kantin sekolah.

A Membiarkan pinggan yang digunakan di atas meja
B Berlari untuk beratur membeli makanan
C Tidak berebut untuk membeli makanan
D Menumpahkan air yang banyak tanpa mengelapnya

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

**Bahagian B**
[20 *markah*]

**1.** Tandakan (✓) pada pernyataan yang **BETUL** dan (✗) pada pernyataan yang **SALAH**.

| | | |
|---|---|---|
| (a) | Prinsip Rukun Negara tidak dianggap sebagai suatu sumber moral yang boleh menjadi bahan rujukan sebagai panduan untuk membentuk keperibadian diri seseorang individu. | ✗ |
| (b) | Pantang larang kaum Melayu ialah melarang seseorang mengetip kuku pada waktu malam. | ✓ |
| (c) | Contoh perbuatan yang menjejaskan tanggungjawab diri terhadap kebersihan adalah memakai stokin yang sama selama beberapa hari berturut-turut. | ✓ |
| (d) | Jika tiada pegangan agama atau kepercayaan, seseorang cenderung berfikiran negatif dan sering berasa tertekan dalam hidup. | ✓ |
| (e) | Dalam menjalankan tanggungjawab terhadap keluarga, ibu bapa hendaklah memberikan layanan yang sama rata kepada semua anak. | ✓ |
| (f) | Sebagai seorang murid, Chuan Wei tidak menyiapkan tugasan dan projek yang diberikan oleh gurunya dan sering melengah-lengahkan kerjanya. Perbuatannya tidak bertanggungjawab terhadap masa depannya sendiri. | ✓ |
| (g) | Muthu tidak pernah melibatkan diri dalam aktiviti keluarga kerana beban kerja sekolah yang berat dan penyertaan dalam banyak aktiviti sekolah. Tindakannya boleh diterima. | ✗ |
| (h) | Kita perlu mengamalkan dan menghayati nilai-nilai seperti kejujuran, toleransi, sokongan, hemah tinggi dan saling membantu untuk mempererat persahabatan. | ✓ |
| (i) | Encik Azizul mendapati bahawa jirannya sering mengadakan majlis yang bising pada waktu larut malam. Oleh itu, dia membuat keputusan untuk membalas dendam dengan aktiviti yang menimbulkan bunyi bising yang lebih kuat pada waktu yang sama. Perbuatan Encik Azizul adalah sangat wajar dan boleh diterima. | ✗ |
| (j) | Masyarakat penyayang dapat membantu anak-anak yatim dengan menyediakan bahan pembelajaran dan mengadakan kelas tuisyen secara percuma. | ✓ |

[10 *markah*]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

# PENTAKSIRAN AKHIR TAHUN

**Skor**

**/60**

**Masa:** Dua jam

**Arahan:** *Kertas soalan ini mengandungi* **tiga** *bahagian, iaitu* **Bahagian A**, **Bahagian B** *dan* **Bahagian C**. *Jawab* **semua** *soalan dalam* **Bahagian A**, **Bahagian B** dan **Bahagian C**.

**Bahagian A**
[20 *markah*]

**1.** Antara yang berikut, yang manakah merupakan sumber moral daripada kepercayaan?
**A** Tripitaka
**B** Tao Te Ching
**C** Pantang larang
**D** Kepercayaan kepada Tuhan

**2.** Berikut ialah ciri-ciri individu yang mempunyai pegangan agama atau kepercayaan **KECUALI**
I sabar
II bersyukur
III sombong
IV pendengki
**A** I dan II
**B** I dan IV
**C** II dan III
**D** III dan IV

**3.** Apakah kesan yang akan berlaku jika seseorang tidak mempunyai pegangan agama atau kepercayaan?
**A** Masih dapat berfikiran positif
**B** Tetap dapat hidup dengan sejahtera
**C** Mencetuskan perbalahan dan pertelingkahan
**D** Selalu berasa gembira dan bahagia dalam kehidupan

**4.** Antara yang berikut, yang manakah menunjukkan pengabaian tanggungjawab diri?
**A** Samuel sentiasa tidur lewat demi bermain permainan video
**B** Hakim memastikan dirinya mandi sekurang-kurangnya dua kali sehari
**C** Farah sentiasa berhati-hati semasa menggunakan media sosial dan tidak mudah mendedahkan maklumat peribadi diri dengan sesuka hati
**D** Vijay sentiasa mematuhi peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah

**5.** Gambar di bawah menunjukkan suatu tanggungjawab diri yang sedang dijalankan oleh Kamal.



Apakah jenis tanggungjawab diri yang sedang dilaksanakan olehnya?
**A** Tanggungjawab menjaga kesihatan diri
**B** Tanggungjawab menjaga kebersihan diri
**C** Tanggungjawab menjaga keselamatan diri
**D** Tanggungjawab terhadap masa hadapan sendiri

**6.** Bagaimanakah cara melaksanakan tanggungjawab diri terhadap keluarga dengan memastikan keselamatan setiap anggota keluarga?
I Sentiasa mengunci pintu rumah
II Mengabaikan keselamatan adik-adik semasa ibu bapa tidak berada di rumah
III Meletakkan mancis di tempat yang mudah dicapai oleh anak-anak kecil di rumah
IV Memastikan peralatan rumah yang tajam disimpan di tempat yang selamat dan jauh daripada kanak-kanak
**A** I dan II
**B** I dan IV
**C** II dan III
**D** III dan IV

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.